

05/07/2001

LAN biarkan kolej swasta abai bahasa rasmi

Pensyarah Terasing

SAYA, seorang pensyarah kolej swasta, berasa terhina dan terkilan berikutan ketidakpekaan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) terhadap penggunaan bahasa rasmi dalam mata pelajaran wajib.

Semua pihak menyedari di negara ini ada banyak kolej swasta yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan dan setiap kolej berdaftar perlu mengajar mata pelajaran wajib seperti Pengajian Islam (LAN 1004), Pengajian Moral (LAN 1005) dan Pengajian Malaysia (LAN 1003) sebelum memperoleh diploma pengajian.

Namun, sebagai negara yang mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, alangkah terhina dan terpinggirnya penggunaan bahasa sendiri apabila mata pelajaran seperti Pengajian Malaysia yang menyingkap mengenai perjuangan memerdekakan negara daripada penjajahan Inggeris serta mengupas mengenai pentadbiran dan kenegaraan diwajibkan oleh beberapa kolej swasta dalam bahasa Inggeris.

Kepincangan ini timbul berikutan daripada tuntutan beberapa kerat pelajar asing di kolej mereka.

Kita seharusnya mencontohi Jepun sejajar dengan Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka tidak mengasingkan bahasa Inggeris tetapi mereka juga memartabatkan bahasa rasmi mereka untuk pelajar mengenali segala ilmu.

Dalam program itu, kita perlu mempelajari bahasa mereka sebelum melanjutkan pelajaran ke Jepun. Ini menunjukkan mereka bangga dengan bahasa mereka kerana ilmu yang ada.

Kita tidak patut akur pada pelajar asing yang datang ke negara ini, malah mereka wajib diperkenalkan mata pelajaran bahasa Melayu sekiranya ingin melanjutkan pelajaran ke negara ini.

Hal ini menjadikan bahasa rasmi dianggap kudiis bagi sesetengah kolej swasta dan mereka mentertawakan kita yang cuba bertutur bahasa ibunda, seolah-olah bahasa kita di negara sendiri dianaktirikan oleh bahasa Inggeris.

Bagi sesetengah keadaan, penggunaan bahasa Inggeris adalah relevan tetapi adalah malang jika LAN membiarkan kolej swasta yang ada bermaharajalela dengan mewajibkan subjek Pengajian Malaysia diajar dalam bahasa Inggeris.